

18/03/2000

Fatah tekuni pop art tanpa lupakan kartun

Jamudin Idris

APABILA disebut Abdul Fatah Ngah, tidak ramai yang mengenalinya atau mengingati nama itu. Bagaimanapun apabila dikaitkan nama itu dengan cerita Malaysia Permai atau A Mamud, dalam majalah Gila-Gila, Fatah menjadi idola pembaca yang mengikuti cerita yang penuh dengan nostalgia.

Berdasarkan surat pembaca dalam majalah berkenaan, ramai yang kagum dengan Fatah. Lat juga turut mengaguminya, malah ketika seorang kartunis bertanyakan kepada Lat mengenai seni kartun di Malaysia, Lat menunjukkan kepada Fatah.

Fatah bukan seorang kartunis sembarangan yang mudah dicari ganti. Dia adalah generasi pertama kartunis yang merangsang dan menunjang kebangkitan kartun pada akhir tahun 1970-an.

Bagaimanapun, Fatah tidak menekuni dunia kartun secara serius selamanya. Dunia kartun membuatkan seseorang itu berdepan dengan batas waktu.

Kurang upayanya yang begitu ketara terutama sejak lapan tahun kebelakangan ini, Fatah merasakan dunia seni lukis lebih sesuai untuknya dan memilih pop art yang belum banyak pengikutnya di Malaysia.

Fatah berhujah, "Jika kita terus menjadi kartunis, karya kita ditatapi untuk satu atau dua bulan saja. Selepas itu ia akan dimasukkan ke dalam setor tetapi jika menjadi pelukis, ada kemungkinan karya kita digantung di tempat awam, dikagumi dan dihayati orang ramai," katanya ketika ditemui di Studio adiknya Abdul Majid di Taman Seputeh, Kuala Lumpur.

Fatah menyedari dunia kartun suatu ketika dulu membuatkan periuknya berasap. Walaupun menekuni bidang seni lukis, ini tidak bermakna, Fatah melupakan terus bidang kartunis.

Apabila rakan-rakannya memintanya melukis kartun, beliau akan membuatnya tetapi tentunya tidak secepat dulu.

Menurut Fatah, karya pop art ditekuninya kerana ia masih belum banyak pengikutnya di Malaysia selain berasaskan banyak imejan dalam karyanya masih mengenai sesuatu objek seperti orang yang tidak jauh dengan kartun yang dihasilkan.

"Bidang lukisan lain seperti cat air, cat minyak dan sebagainya sudah banyak diteroka. Adalah lebih baik saya meneroka bidang baru, walaupun memerlukan banyak kerja yang perlu dilakukan," katanya yang berminat dengan karya Redza Piyadasa.

Aliran pop art dikatakan bermula di England pada tahun 1950-an dan berkembang di Amerika Syarikat pada tahun 1960-an.

Pendukung yang kuat seperti Jasper John, Andy Warhol, Roy Lichtenstein dan Tom Wassermann. Tokoh pop art masa kini ialah Robert Rauschenberg, pernah mengadakan pameran lukisannya di Malaysia beberapa tahun lalu.

Bagaimanapun pop art Fatah masih menebal dengan ilustrasi. Ini dapat dikesan pada karya awalnya seperti Pak Rebab (1990) yang menggunakan cat air. Bagaimanapun karyanya selepas itu menampakkan kematangan pelukis.

Pop art senang dikesan kerana karyanya tidak lari daripada yang sebenar tetapi warna yang melatarinya bergantung kepada kebijaksanaan pelukis mempengaruhi psikologi orang ramai apabila menghayatinya.

Sebagai contoh Merdeka Merdeka Merdeka (1995) dengan menggunakan cat minyak, membawa penonton mengenali tokoh besar yang melaungkannya iaitu Tunku Abdul Rahman tetapi Fatah memberi warna ceria seperti kuning untuk tokoh itu.

Nyata kekuatan aliran pop art ialah kebijaksanaan seseorang pelukis

memilih warna terang lagi ceria kerana warna itu mampu mempengaruhi mata seseorang apabila melihatnya, sama ada dari jarak dekat atau jauh.

Fatah, abang kepada komposer Abdul Manan Ngah berasal dari Dungun Terengganu. Sebelum menjadi artis perintis di Syarikat Creative Enterprise dan karyanya yang terkenal iaitu A Mamud, bekerja di syarikat penerbitan buku dan majalah sebagai pelukis ilustrasi dan komik.

Fatah berhijrah ke Kuala Lumpur pada 1975. Lima tahun bekerja di Creative Enterprise dan pada 1990 menjadi pelukis sepenuh masa hingga kini.

Sempena seminar anjuran Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini, beliau diundang mengadakan pameran solo. Pameran solo ini adalah yang kedua untuk Fatah.

Persidangan itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Fatah menyumbangkan sebuah lukisan potret tokoh itu kepada Perdana Menteri.

Fatah berkata, hal mengenai kebudayaan, sejarah dan sosial selalu menjadi tema karyanya. Ini hasil daripada pengamatan alam sekeliling, rujukan buku dan media selain melalui pengalaman peribadi.

Isu mengenai penderitaan rakyat Bosnia dirakamkan melalui Nafas (1994) yang menggunakan akrilik manakala kegigihan rakyat Palestin mencari hak mereka dibumi sendiri diterjemahkan pada Hak (1996) yang menggunakan media sama. Dua karya itu kini sudah menjadi koleksi Datuk Anuar Othman.

Karya mengenai seniman agung P Ramlee yang bertajuk Seniman Agung (1996) yang menggunakan akrilik sudah menjadi milik Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan beliau kini dalam proses menghasilkan lukisan mengenai orang Penan, lanjutan daripada karya Keluarga Alam (1998) yang menggunakan akrilik.

Mengenai masa yang diambil untuk menyiapkan sesebuah lukisan, Fatah berkata, ia bergantung kepada cita rasa, idea, mood dan sebagainya tetapi untuk sebuah karya besar ia tentunya mengambil masa yang panjang kerana penderitaan penyakitnya membuatkan Fatah kadangkala terpaksa bersila menyiapkan kerja seninya.

(END)